

## **Pelajar lelaki tingkatan lima dicekup miliki syabu**

Posted on September 3, 2014, Wednesday

SIBU: Seorang pelajar lelaki tingkatan lima dicekup polis kerana disyaki memiliki dadah jenis syabu seberat 13.96 gram di rumah di Jalan Mui Huong, di sini petang kelmarin.

Remaja berumur 17 ta-hun dan berbangsa Cina itu ditangkap pasukan Polis Narkotik diketuai Inspektor Tengku Mohd Faisal ber-sama anggota dalam serbuan dilakukan jam 3.25 petang itu.

Suspek yang masih ber-sekolah di sebuah sekolah menengah di bandar ini dipercayai menjadi penagih dadah.

Ketua Polis Daerah Sibul ACP Mohd Kamal Kordi ketika dihubungi mengesa-hkan penangkapan remaja tersebut.

“Kes ini akan disiasat di bawah Seksyen 39A(1) ADB 1952.

Suspek juga akan disiasat di bawah Seksyen 15(1)(a) ADB 1952 kerana disyaki memasukkan dadah ke dalam tubuh sendiri.

Suspek direman sehingga 4 September ini untuk mem-bantu siasatan polis.